



**JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**ARAHAN PENTADBIRAN JTM
BILANGAN 1 TAHUN 2016
KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL**

TUJUAN

1. Arahan Pentadbiran ini bertujuan untuk menyelaraskan pemahaman semua pegawai yang terlibat berkaitan dengan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA) bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah.

LATAR BELAKANG

2. TMWA disediakan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar wilayah sebagai suatu kemudahan untuk membolehkan pegawai dan ahli keluarganya mengunjungi wilayah asal. Kemudahan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008 (PP 22/2008). Walau bagaimanapun, adalah didapati terdapat pemahaman yang berbeza tentang pelaksanaan PP 22/2008 khususnya dari sudut perkiraan tempoh satu (1) tahun perkhidmatan yang melayakkan pegawai menikmati kemudahan ini.


PELAKSANAAN

3. Sehubungan itu, Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan bagi menyelaraskan pemahaman pegawai yang terlibat di semua Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia termasuk Ibu Pejabat tentang dasar yang sepatutnya.

4. Kaedah perkiraan tuntutan TMWA adalah seperti contoh-contoh situasi berikut:

Contoh 1 : PEGAWAI LANTIKAN BARU DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Encik Ady bin Putra telah dilantik sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J41 dan melapor diri di wilayah penempatan pada 1 April 2014. Tempoh satu tahun perkhidmatan adalah bermula dari 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015. Walau bagaimanapun, bagi pegawai ini, memandangkan beliau merupakan pegawai lantikan baru, beliau hanya layak menggunakan tambang untuk kali pertama selepas 1 Oktober 2014 setelah mengenakan tempoh perkhidmatan selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan. Bagi kemudahan TMWA kali kedua, pegawai layak menggunakan kemudahan tersebut mulai 1 April 2015. Pegawai boleh menggunakan kemudahan ini pada bila-bila masa di antara 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016 (tempoh satu tahun perkhidmatan).



Kelayakan kali pertama : 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015
(Hanya layak guna kemudahan selepas 1/10/2014 iaitu 6 bulan selepas tarikh lantikan)

Kelayakan kali kedua : 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008,

Para 4(f) menjelaskan bahawa kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh **satu tahun perkhidmatan** pegawai di wilayah penempatan. Kemudahan TMWA yang tidak digunakan dalam tempoh tersebut akan luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.

Para 4(g) menjelaskan bahawa pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Tempoh 6 bulan berkenaan bermula dari tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan. Kelayakan untuk kali kedua dan seterusnya ialah pada bila-bila masa dalam tahun berikutnya selepas tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan.

Perkiraan tempoh satu tahun perkhidmatan **bukan** dikira secara tahun kalendar.

Contoh 2: PEGAWAI YANG BARU MELAPOR DIRI DI WILAYAH PENEMPATAN

Encik Mat Setia bin Abu Ziyad berkhidmat sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J54 dan telah melapor diri di wilayah penempatan pada 1 September 2015. Tempoh satu tahun perkhidmatan adalah bermula dari 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2016. Walau bagaimanapun, bagi pegawai ini, memandangkan beliau merupakan pegawai yang baru melapor diri di wilayah penempatan, beliau hanya layak menggunakan tambang untuk kali pertama selepas 1 Mac 2016 setelah menggenapkan tempoh perkhidmatan selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan. Bagi kemudahan TMWA kali kedua, pegawai layak menggunakan kemudahan tersebut mulai 1 September 2016. Pegawai boleh menggunakan kemudahan ini pada bila-bila masa di antara 1 September 2016 hingga 31 Ogos 2017 (tempoh satu tahun perkhidmatan).



Kelayakan kali pertama : 1 September 2015 hingga 31 Ogos 2016
(Hanya layak guna kemudahan selepas 1/3/2016 iaitu 6 bulan selepas tarikh penempatan)

Kelayakan kali kedua : 1 September 2016 hingga 31 Ogos 2017

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008,


Para 4(f) menjelaskan bahawa kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh **satu tahun perkhidmatan** pegawai di wilayah penempatan. Kemudahan TMWA yang tidak digunakan dalam tempoh tersebut akan luput dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.

Para 4(g) menjelaskan bahawa pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Tempoh 6 bulan berkenaan bermula dari tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan. Kelayakan untuk kali kedua dan seterusnya ialah pada bila-bila masa dalam tahun berikutnya selepas tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan.

Perkiraan tempoh satu tahun perkhidmatan **bukan** dikira secara tahun kalendar.

Contoh 3: PEGAWAI BERHASRAT MENGGUNAKAN KEMUDAHAN TMWA KALI KEDUA DAN SETERUSNYA

Puan Misha binti Omar berkhidmat sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J48 dan telah melapor diri di wilayah penempatan pada 1 April 2012. Tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan pertama bermula dari 1 April 2012 hingga 31 Mac 2013. Tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan kedua bermula dari 1 April 2013 hingga 31 Mac 2014. Beliau berhasrat untuk menggunakan kemudahan TMWA pada **1 Mei 2013**. Kali terakhir pegawai menggunakan kemudahan ini adalah pada 16 November 2012. Sehubungan itu, pegawai **layak** untuk menggunakan kemudahan TMWA ini pada 1 Mei 2013 berikutan tarikh tersebut termasuk dalam tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan kedua iaitu mulai 1 April 2013 hingga 31 Mac 2014. Tempoh kelayakan yang seterusnya adalah bermula dari 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015.



Kelayakan kali kedua : 1 April 2013 hingga 31 Mac 2014
Kelayakan kali ketiga : 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008,


Para 4(g) menjelaskan bahawa pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Tempoh 6 bulan berkenaan bermula dari **tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan. Kelayakan untuk kali kedua dan seterusnya ialah pada bila-bila masa dalam tahun berikutnya selepas tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan.**

Perkiraan tempoh satu tahun perkhidmatan **bukan** dikira secara tahun kalendar.

Contoh 4: PEGAWAI BERHASRAT MENGGUNAKAN KEMUDAHAN TMWA PADA 1 JAN 2015

Puan Ayda binti Jebat berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 dan telah melapor diri di wilayah penempatan pada 1 April 2013. Tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan pertama bermula dari 1 April 2013 hingga 31 Mac 2014.

Tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan kedua bermula dari 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015. Beliau berhasrat untuk menggunakan kemudahan TMWA pada **1 Jan 2015**. Kali terakhir pegawai menggunakan kemudahan ini adalah pada **5 Mei 2014**. Sehubungan itu, pegawai **tidak layak** untuk menggunakan kemudahan tambang ini kerana beliau telah pun menggunakan TMWA pada 5 Mei 2014 di mana tarikh tersebut termasuk dalam tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan kedua. Beliau hanya layak menggunakan TMWA bermula dari 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016 bagi kelayakan kali ketiga.



Kelayakan kali kedua : 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015

Kelayakan kali ketiga : 1 April 2015 hingga 31 Mac 2016

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008,

Para 4(g) menjelaskan bahawa pegawai hendaklah berkhidmat selama 6 bulan terlebih dahulu di wilayah penempatan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini pada kali pertama. Tempoh 6 bulan berkenaan bermula dari **tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan. Kelayakan untuk kali kedua dan seterusnya ialah pada bila-bila masa dalam tahun berikutnya selepas tarikh lapor diri pegawai di wilayah penempatan.**

Perkiraan tempoh satu tahun perkhidmatan **bukan** dikira secara tahun kalendar.

Contoh 5 : PEGAWAI YANG BERCUTI TANPA GAJI

Encik Nazim bin Othman berkhidmat sebagai Pegawai Latihan Vokasional Gred J44 dan telah melapor diri di wilayah penempatan pada 1 April 2013. Tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan pertama bermula dari 1 April 2013 hingga 31 Mac 2014. Tempoh satu tahun perkhidmatan kelayakan kedua bermula dari 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015. Walau bagaimanapun, beliau telah menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji (CTG) bagi tempoh 2 bulan iaitu pada 1 Julai 2014 hingga 31 Ogos 2014.

Dalam hal ini, pegawai masih **layak** untuk menggunakan kemudahan tambang ini pada tahun 2014 tetapi tempoh seterusnya hanya bermula pada 1 Jun 2015 dan bukannya mulai 1 April 2015. Ini kerana pegawai perlu menggantikan semula tempoh perkhidmatan yang telah diambil untuk tujuan CTG tersebut. Tempoh kelayakan yang seterusnya adalah bermula dari 1 Jun 2015 hingga 31 Mei 2016.



Kelayakan kali kedua : 1 April 2014 hingga 31 Mac 2015

Kelayakan kali ketiga : 1 Jun 2015 hingga 31 Mei 2016

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 22 Tahun 2008,

Para 4(h) menjelaskan bahawa tempoh pegawai bercuti tanpa gaji atau separuh gaji tidak boleh diambil kira untuk menentukan kelayakan kemudahan ini. Tempoh cuti tersebut hendaklah ditambah kepada tempoh perkhidmatan pegawai untuk menentukan kelayakan seterusnya.


TARIKH KUAT KUASA

5. Arahan Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.


PEMAKAIAN

6. Arahan Pentadbiran ini terpakai kepada semua Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia termasuk Ibu Pejabat.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(NUR EZWIN BINTI KAMARUDIN)
b/p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia

 Februari 2016

Semua Pengarah ILJTM